

Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia

Ahmad Hidayat Buang

Abstract

In Malaysia, a fatwa means a decision officially given by a Mufti or a Shariah State Committee published in the State Official Gazzete. Once a fatwa is published in this fashion it becomes binding upon all Muslims residing in the state. The present article investigates some issues relating to the administration of fatwa in Malaysia especially in regards to the trends and problems these fatwas attempt to solve.

Makna dan Dasar-dasar Fatwa di Malaysia

Secara umumnya fatwa bermaksud suatu penerangan mengenai hukum syarak kepada masalah-masalah yang tidak mempunyai nas atau perbincangan di dalam kitab-kitab fiqh secara tidak mengikat. Penerangan hukum syarak yang diberikan di atas dasar fatwa ini tidak mempunyai kuasa dari sudut perundangan dalam erti kata bantahan atau keengkaran kepada hukumnya tidak mempunyai apa-apa kesan. Penerimaan dan penolakan sesuatu fatwa itu banyak bergantung kepada peribadi

orang yang memberi fatwa itu atau Mufti. Secara amalannya masyarakat Islam ataupun pemerintah (*mustafii*) akan meminta fatwa dari mereka yang benar-benar berwibawa di dalam bidang agama Islam. Oleh itu masalah penolakan terhadap fatwa itu jarang berlaku dan kebanyakannya fatwa yang diminta itu mempunyai pengaruh yang persuasif di dalam masyarakat dan kerajaan Islam. Sebagai contohnya fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Syaikhul Islam Turki ‘Uthmāniyyah pada masa dahulu tidak semestinya mengikat Sultan atau Khalifah, namun dalam banyak hal dan keadaan fatwa-fatwa tersebut diikuti sebagai tanda hormat dan simbol keagamaan negara Turki ‘Uthmāniyyah. Begitu juga fatwa-fatwa yang diberikan oleh Mufti-mufti dan ahli-ahli agama di dalam Majlis Mesyuarat Negeri atau Mahkamah semasa pemerintahan British di Malaya dahulu diikuti walaupun pada dasarnya British tidak terikat untuk mengikuti fatwa-fatwa tersebut.

Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan, Majlis Agama Islam ditubuhkan dan peranan Mufti telah diperkuatkan dan diinstitusikan melalui perlantikan secara rasmi Mufti sebagai seorang penjawat awam yang berfungsi untuk memberi nasihat mengenai hukum-hukum agama Islam kepada pihak Sultan. Penginstitusian jawatan Mufti juga mempunyai beberapa kesan langsung iaitu:

- (1) fatwa yang dikeluarkan secara rasmi melalui warta mempunyai kuatkuasa perundangan ke atas penduduk Islam negeri berkenaan,
- (2) memperkuatkan kedudukan mazhab Syafi‘i sebagai mazhab rasmi yang diikuti dengan pengenalan acara-acara fatwa yang menghendaki semua keputusan mengenai fatwa merujuk kepada mazhab Syafi‘i dan
- (3) mengkhususkan fungsi dan peranan Mufti dengan penubuhan jabatan Mufti yang berasingan daripada Majlis Agama Islam dan Mahkamah Syariah.

Fatwa Mempunyai Kuatkuasa Undang-undang

Fatwa di Malaysia bukan semata-mata penerangan mengenai hukum Syarak yang tidak mempunyai nas tetapi penerangan hukum Syarak yang bersifat perundangan yang boleh dikuatkuaskan dan diambil tindakan bagi penduduk Islam yang melanggarinya. Demikian juga makna fatwa jika dilihat dari sudut perundangan bermaksud fatwa Mufti yang diwartakan. Sungguhpun terdapat percubaan untuk menjadikan fatwa yang diwartakan itu mengikat Mahkamah, secara amalannya, Mahkamah, terutama Mahkamah Sivil adalah tidak terikat dengan fatwa yang diwartakan itu. Ini adalah kerana kuasa untuk menafsir undang-undang itu masih terletak di tangan Mahkamah. Bagi Mahkamah Syariah pula ianya tidak terikat

dengan fatwa dengan hujah bahawa ia berhak untuk berijtihad di dalam kes-kes yang dihadapkan kepadanya. Oleh itu peruntukan undang-undang yang cuba untuk mengikat mahkamah dengan fatwa-fatwa yang diwartakan perlu diuji di mahkamah untuk diketahui kesan-kesannya. Namun apa yang boleh dijangkakan adalah peruntukan undang-undang itu mungkin *ultra-vires* dengan kuasa-kuasa Mahkamah yang diberikan oleh Perlembagaan dan undang-undang Persekutuan yang mempunyai keutamaan dari undang-undang lain. Apatah lagi undang-undang Pentadbiran Agama Islam negeri dan fatwa yang diwartakan khususnya bertaraf undang-undang negeri dan undang-undang kecil.

Pengukuhan Mazhab Syafi'i

Pengaruh mazhab Syafi'i bertapak di Tanah Melayu melalui pengembangan ajaran Islam oleh guru-guru agama tempatan yang mendapat latihan di dalam mazhab Syafi'i dan penggunaan bahan-bahan bacaan agama di dalam mazhab tersebut. Maklumat awal mengenai kitab-kitab agama seawal kurun ke-18M menunjukkan kebanyakannya merupakan terjemahan kitab-kitab fiqh mazhab Syafi'i. Penubuhan pusat-pusat pengajian Islam atau pondok-pondok secara pesat di merata-merata tempat di semenanjung Tanah Melayu pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20M juga menyemarakkan pengaruh mazhab Syafi'i di Tanah Melayu kerana silibus dan teks-teks agama yang digunakan di kesemua pondok-pondok ini adalah berasaskan kepada silibus dan teks-teks mazhab Syafi'i. Jikapun terdapat antara pelajar-pelajar pusat pengajian ini menyambung pelajaran mereka ke luar negara, pusat-pusat pengajian tersebut tertumpu di Mekah yang menawarkan latihan dan pengajian Islam berasaskan kepada mazhab Syafi'i. Namun penonjolan mazhab Syafi'i di dalam institusi kerajaan dan masyarakat di Malaysia bermula seawal abad ke-20M dengan perlantikan Kadi-kadi dan Mufti-mufti di negeri-negeri Tanah Melayu yang berlatarbelakang pendidikan dan latihan di dalam mazhab Syafi'i.

Ikatan kepada mazhab ini bukan sesuatu yang bersifat lokal tetapi fenomena global dunia Islam ketika itu. Oleh yang demikian tidaklah menghairankan jika di Tanah Melayu gerakan-gerakan yang dipelopori oleh golongan Kaum Muda yang cuba untuk mengabaikan pandangan-pandangan mazhab Syafi'i mendapat tentangan dari golongan pendidikan pondok yang dilabelkan sebagai golongan Kaum Tua. Golongan Kaum Muda ini sebagaimana yang diketahui mendapat pendidikan dari Mesir yang terdedah kepada pemikiran progresif reformer-reformer Islam ketika itu seperti 'Afghāni dan 'Abduh. Dalam keadaan dan situasi sebegini langkah-langkah secara rasmi perlu diambil untuk melindungi mazhab Syafi'i daripada pengaruh mazhab-mazhab lain. Oleh yang demikian apabila Majlis Agama Islam negeri-

negeri ditubuhkan, acara-acara tentang fatwa telah diperundangkan dengan mensyaratkan ikutan kepada fatwa tersebut mestilah berasaskan kepada mazhab Syafi'i.¹ Malah di sesetengah negeri seperti Johor disyaratkan supaya semua pegawai jabatan Agama yang dilantik mestilah berpegang dengan mazhab Syafi'i. Namun sebagai kompromi pandangan-pandangan mazhab sunni yang lain juga boleh diikuti jika pandangan mazhab Syafi'i tidak boleh menyelesaikan masalah yang timbul dan demi kepentingan atau maslahat awam setelah mendapat perkenan Sultan negeri yang berkenaan.

Untuk melaksanakan hasrat peruntukan undang-undang berkenaan, Jawatankuasa Fatwa negeri telah menetapkan beberapa dasar mengenai penggunaan mazhab Syafi'i sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan² seperti berikut:

- (1) semua fatwa yang diputuskan mestilah berdasarkan kepada *qawl* yang muktabar di dalam mazhab Syafi'i. Jika hendak beramal dengan *qawl* dari mazhab lain perlu mendapat restu dari Yang DiPertuan Agong
- (2) umat Islam tidak dipaksa beramal dengan mazhab Syafi'i, bahkan boleh beramal dengan mana-mana mazhab lain yang disukai dengan syarat tidak boleh menyalahkan orang-orang yang beramal dengan mazhab Syafi'i.
- (3) mazhab-mazhab lain tidak boleh diajar atau disyarah secara terbuka di khalayak ramai, namun boleh diajar di majlis-majlis pelajaran.
- (4) menjadi satu kesalahan jika mengajar selain daripada mazhab Syafi'i secara terbuka.
- (5) jika fatwa telah dikeluarkan berdasarkan kepada mazhab Syafi'i tiada siapapun boleh membantahnya dengan menggunakan hujah daripada mazhab yang lain.

Mengkhususkan Fungsi Mufti

Penubuhan institusi Mufti di Malaysia terutama dalam konteks masa sekarang telah mengkhususkan peranan dan fungsi Mufti sebagai pihak berkuasa agama di dalam masalah hukum Syarak. Pada masa dahulu peranan Mufti bukan sahaja terhad kepada pengeluaran fatwa dan menjawab persoalan hukum Syarak tetapi juga terlibat di dalam pelbagai aspek pentadbiran agama Islam seperti kehakiman, pendakwaan, pendidikan dan sebagainya. Pada masa kini Jabatan Mufti telah dipisahkan daripada Majlis Agama Islam dan Mahkamah Syariah dan peranannya dikhususkan kepada pihak berkuasa agama yang bertanggungjawab di dalam masalah hukum Syarak di dalam negeri. Penubuhan Jabatan Mufti dengan

sendirinya akan menjadikan institusi Mufti dan fatwa dan seterusnya agama Islam sebagai sesuatu yang bersifat formal di Malaysia yang mungkin berbeza dengan negara-negara Islam yang lain seperti Indonesia dan negara-negara Islam Timur Tengah yang mana versi Islam dan hukum Islam adalah bersifat individu dan pihak pemerintah tidak mempunyai satu pandangan rasmi mengenai masalah-masalah tertentu di dalam persoalan hukum Syarak.

Kumpulan Fatwa Di Malaysia

Fatwa-fatwa yang dikeluarkan di Malaysia sekurang-kurangnya terdapat di dalam tiga bentuk iaitu fatwa yang diwartakan, jawapan-jawapan fatwa yang diputuskan di dalam mesyuarat jawatankuasa fatwa dan fatwa yang dikeluarkan secara persendirian oleh Mufti sama ada secara lisan atau bertulis. Dari sudut kepentingan terutama yang menyentuh masyarakat secara keseluruhannya ialah fatwa-fatwa yang diwartakan dan fatwa-fatwa yang diputuskan di dalam mesyuarat terutama fatwa yang berbangkit daripada soalan-soalan dari pihak-pihak kerajaan, pertubuhan-pertubuhan dan orang ramai. Fatwa-fatwa ini dari sudut pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia dan sejarah adalah sangat bernilai.

Kefahaman dan pengetahuan tentang fatwa-fatwa tersebut membolehkan seseorang pengkaji itu menyelami dan mengetahui latar belakang sesuatu peristiwa atau kejadian yang berhubungan dengan polisi awam dan persoalan sosial umat Islam. Namun amat malang sekali fatwa-fatwa tersebut tidak disimpan dan didokumenkan secara sistematik. Kita tidak mengetahui tarikh yang tepat bilakah fatwa yang pertama, terutama di dalam bentuk perbincangan di dalam mesyuarat itu dikeluarkan. Mengikut kajian Hooker dan Othman Ishak, fatwa-fatwa itu mungkin sudah diterbitkan sejak dari zaman penjajahan lagi. Begitu juga fatwa-fatwa tersebut tidak mudah diperolehi bagi tujuan-tujuan penyelidikan kerana sistem birokrasi kerajaan yang menyifatkan sesetengah fatwa tersebut sebagai dokumen kerajaan dan oleh itu tertakluk kepada peraturan-peraturan kerahsiaan kerajaan. Halangan-halangan ini menyebabkan kefahaman terhadap masalah masyarakat dan kerajaan dalam persoalan hukum Syarak dan pentadbiran undang-undang Islam yang mungkin boleh diperolehi melalui fatwa-fatwa tersebut tidak dapat dibuat dengan mudah, berkesan dan komprehensif.

Bentuk-bentuk Fatwa Mengikut Perspektif Pengajian Islam

Daripada kumpulan fatwa yang berjaya dipungut dan diperolehi, fatwa-fatwa tersebut dibahagikan kepada tiga bidang utama iaitu Syariah, Usuluddin dan Kemasyarakatan. Fatwa daripada bidang Syariah ialah yang terbanyak diikuti oleh

Usuluddin dan Kemasyarakatan. Namun jika dilihat dari sudut kepentingan fatwa-fatwa itu, didapati fatwa di dalam bidang Usuluddin banyak diterbitkan dalam bentuk warta terutama perkara-perkara yang menyentuh ajaran sesat dan ilmu salah. Di dalam bidang Syariah didapati sub-bidang yang paling banyak fatwa dikeluarkan ialah yang menyentuh ibadat diikuti oleh perkahwinan, muamalat dan masjid/kariah. Jika dilihat kepada pecahan-pecahan sub-bidang tersebut didapati di dalam sub-bidang perkara mengenai sembahyang terutama yang melibatkan kebenaran mendirikan sembahyang Jumaat dan zakat paling banyak dikeluarkan. Didalam sub-bidang perkahwinan perkara yang paling banyak ditanya ialah mengenai perceraian dan pusaka. Di dalam sub-bidang muamalat perkara yang paling banyak ditanya ialah wakaf, jual-beli, riba dan saham/pelaburan. Manakala di dalam sub-bidang masjid/kariah perkara yang paling banyak ditanya ialah mengenai masalah mendirikan masjid. Aspek-aspek ini boleh dirumuskan seperti di dalam jadual berikut:

Jadual 1:
Pecahan Sub-bidang Fatwa Tertinggi

Pecahan Sub-bidang	Bilangan	Peratus*
Sembahyang	615	16.1
Zakat	357	9.3
Perceraian	122	3.2
Pusaka dan Wasiat	89	2.3
Wakaf	153	4.0
Jual beli	51	1.3
Riba	59	1.5
Saham / pelaburan	27	0.7
Masjid	259	6.8
Tanah Perkuburan	93	2.4

*Berasaskan kepada jumlah keseluruhan fatwa yang dipungut sebanyak 3,822 fatwa
Sumber: Laporan Projek Penganalisaan Fatwa-fatwa Semasa di Malaysia, 2000.

Jadual 1 di atas menunjukkan dari segi peratusan fatwa yang banyak dikeluarkan ialah sembahyang (16.1%) diikuti oleh zakat (9.3%), masjid (6.8%), wakaf (4%), perceraian (3.2%), tanah perkuburan (2.4%) pusaka dan wasiat (2.3%), riba (1.5%), jual-beli (1.3%) dan saham/pelaburan (0.7%). Bakinya sebanyak 54.8% dikongsi oleh kira-kira 179 tajuk pecahan pelbagai sub-bidang Syariah iaitu dengan purata kira-kira 0.3% bagi setiap pecahan sub-bidang.

Analisis Fatwa-Fatwa

Perbincangan seterusnya ialah menganalisis beberapa fatwa dalam bentuk warta dan minit mesyuarat yang pada pandangan penulis mempunyai kaitan dengan kepentingan sosial, ekonomi dan penghidupan umat Islam di Malaysia. Tajuk-tajuk yang dipilih di bawah meliputi aspek-aspek ibadat, sosial, ekonomi dan amalan harian kehidupan umat Islam.

Permohonan Mengadakan Sembahyang Jumaat

Banyak permohonan dibuat kepada pihak Majlis Agama Islam negeri-negeri bagi membenarkan sembahyang Jumaat didirikan di tempat kediaman dan tempat kerja umat Islam. Secara kebiasaan permohonan untuk sembahyang jumaat di tempat kediaman tidak menimbulkan banyak masalah sekiranya dapat dibuktikan masjid yang sedia ada tidak dapat menampung jumlah jemaah yang ada. Ini adalah kerana di antara kriteria utama mendirikan sembahyang Jumaat iaitu status penduduk yang bermastautin di kawasan di mana Jumaat yang hendak didirikan terdapat di tempat-tempat kediaman. Namun apabila permohonan melibatkan tempat-tempat kerja pihak Majlis Agama Islam agak keberatan untuk memberikan kebenaran kerana ketiadaan penduduk yang bermastautin. Begitu juga kebenaran untuk mendirikan sembahyang Jumaat di tempat-tempat tahanan seperti pusat serenti, penjara dan kem-kem tentera.

Pihak jawatankuasa fatwa sungguhpun pada dasarnya tidak membenarkan sembahyang Jumaat didirikan di tempat-tempat kerja dan tempat-tempat tahanan di mana tidak terdapat ahli kariah yang bertaraf mastautin, membenarkan Jumaat didirikan melihat kepada maslahat serta bertaklid kepada mazhab Abū Hanifah. Fatwa Kedah misalnya pada 17.8.1996 tidak membenarkan permohonan mendirikan sembahyang Jumaat di kem askar dengan alasan sudah terdapat masjid-masjid yang berdekatan yang mampu menampung jemaah dari kem tersebut dan para jemaah di kem tersebut adalah orang bermukim. Namun fatwa ini telah diubah pada 5.10.1996 setelah pihak kem tersebut membuat rayuan dengan alasan terdapat kesusahan untuk

pergi menunaikan Jumaat di masjid berhampiran kerana melibatkan masalah keselamatan kem dan disiplin tentera. Oleh kerana fatwa ini bertaklid kepada mazhab Abū Ḥanīfah maka perkenan Sultan diperlukan. Fatwa yang sama diberikan di Pulau Pinang di dalam fatwa pada 11.11.1981, di mana permohonan untuk mendirikan Jumaat di dalam kes askar telah ditolak.

Masalah yang seterusnya mendirikan Jumaat di penjara dan tempat tahanan yang lain seperti serenti. Fatwa Kedah membenarkan Jumaat didirikan kerana ianya berfaedah kepada banduan-banduan di penjara itu (fatwa Kedah pada 29 Jun 1996). Namun terdapat fatwa di Pulau Pinang yang tidak membenarkan jumaat didirikan di dalam penjara dengan alasan yang dipetik dari *Kitāb al-Iqnā'*, juzuk 1, halaman 153 seperti berikut (fatwa Pulau Pinang pada 9 Mar 1982):

- (1) penjara adalah tempat kurungan yang menyekat seseorang daripada bebas, maka itu adalah merupakan keuzuran yang dimaafkan oleh syarak
- (2) Tidak ada *istitan* (*sic*)
- (3) Tidak menepati hikmah berjumaat

Namun kebanyakan negeri membenarkan jumaat didirikan di dalam tempat-tempat tahanan seperti di dalam fatwa Kedah pada 30 April 1987 yang merujuk fatwa-fatwa negeri lain terutama Negeri Sembilan dan Perak. Begitu juga fatwa Pahang pada 11 Nov. 1981 membenarkan sembahyang jumaat di tempat-tempat tahanan berdasarkan permohonan kes demi kes.

Masalah Zakat Gaji

Persoalan yang timbul daripada masalah ini mungkin berpunca dari tesis Yūsuf al-Qarāḍāwī yang mencadangkan supaya pendapatan tetap secara penggajian dan bayaran upah profesional dikenakan zakat. Kebanyakan Majlis Agama Islam negeri-negeri di Malaysia bersetuju dengan pandangan ini dan telah mewartakan fatwa mengenai kewajipan zakat pendapatan ini. Secara asasnya kewajipan zakat ini menurut fatwa-fatwa tersebut ialah pendapatan tersebut berpunca dari pendapatan tetap yang diterima pada setiap tahun dan mencukupi atau melepas pusingan *ḥawl* serta mencukupi niṣāb emas dan perak. Apa yang berbeza dari pengeluaran harta yang lain ialah pengiraan niṣāb zakat itu hendaklah ditolak perbelanjaan asasi seseorang itu ke atas dirinya dan orang yang wajib ke atasnya nafkah. Pandangan ini memetik pendapat Yūsuf al-Qarāḍāwī yang bersandarkan kepada mazhab Abū Ḥanīfah. Secara ringkasnya syarat-syarat pembayaran zakat ini adalah seperti berikut seperti yang disenaraikan oleh fatwa Kelantan [no. 550 (1999)]:

- (1) pendapatan itu berpunca daripada sistem pengajian yang teratur
- (2) jumlah peruntukan gaji mencukupi nisab mata wang dan melepas *ḥawl*

- (3) permulaan *ḥawl* bermula dari hari mula bekerja dengan bayaran pada kadar 2.5 peratus atau 1/40
- (4) gaji yang dikenakan zakat adalah gaji pokok dan lain-lain imbuhan tetap
- (5) gaji yang dikenakan zakat adalah pendapatan bersih setelah ditolak keperluan asasi yang paling sederhana untuk diri dan keluarga

Kebanyakan negeri yang mengeluarkan fatwa mengenai zakat gaji seperti di atas mengenakan syarat-syarat yang sama seperti warta Melaka [M.P.U.14 (25 Mei 2000)] dan warta Wilayah Persekutuan [P.U.(B) 152 (29.4.1999)]. Namun fatwa Perlis nampaknya memberi pilihan kepada pembayar zakat sama ada untuk memilih kaedah alternatif yang kedua untuk membayar zakat ini iaitu dengan menggunakan formula zakat pertanian. Mengikut kaedah ini zakat dikenakan pada permulaan hari penerimaan gaji dengan syarat *nīṣāb* pertanian dan pembayarannya juga mengikut kadar zakat pertanian iaitu 5% dan setelah ditolak perbelanjaan wajib (fatwa Perlis pada 20 Okt. 1991).

Agihan Zakat

Agihan zakat di Malaysia berpandukan kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh al-Qur'an. Warta Selangor [Sel. P.U. 130 (29 Ogos 1994)] nampaknya memberikan penjelasan yang agak ditil kadar-kadar agihan harta zakat kepada *asnāf-asnāf*. Namun ianya tidak menerangkan dasar-dasar agihan tersebut. Dasar-dasar agihan zakat diterangkan dengan jelas oleh fatwa Perlis seperti berikut (pada 8.10.1989):

- (1) semua pendapatan zakat hendaklah disatukan
- (2) agihan zakat hendaklah samarata iaitu $1/8 \times 8$
- (3) saham *asnāf* fakir dan miskin tidak boleh dikurangkan atau diambil bagi menampung *asnāf* yang lain
- (4) lebihan *asnāf* yang lain boleh diagihkan kepada asraf yang lain terutama *asnāf* fakir dan miskin
- (5) hasil zakat bijian hendaklah diagihkan mengikut bilangan kali memungut
- (6) *asnāf al-riqāb* hendaklah ditafsirkan sebagai membasmi kejahilan dan perbelanjaan sekolah agama rakyat

Di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan tidak terdapat peruntukan zakat *asnāf al-Riqāb*. Fatwa Wilayah Persekutuan misalnya menyatakan agihan zakat untuk asraf ini ditangguhkan sehingga ditentukan oleh pemerintah (Fatwa Wilayah Persekutuan 1975-1986, Minit 77).

Tanah Wakaf

Kebanyakan fatwa mengenai wakaf di Malaysia di dalam bentuk warta menerangkan perkara-perkara berikut:

- (1) kesahihan sesuatu wakaf itu melalui warta seperti warta Johor [J.P.U. 57 (1996)] dan warta Wilayah Persekutuan [P.U.(B) 427 (1989)],
- (2) perlantikan Nazir bagi wakaf tersebut seperti di dalam warta Johor [J.P.U. 27 (1992)] dan
- (3) dasar-dasar hukum harta wakaf seperti warta Melaka [No. 54 (2.2.1995)].

Tujuan perwartaan kesahihan wakaf-wakaf tersebut adalah bagi penggunaan Mahkamah yang mungkin akan membatalkan akad wakaf tersebut berdasarkan kepada prinsip undang-undang komon (*common law*) dan prinsip duluan mengikat kes-kes mengenai harta-harta amanah. Warta Johor pada tahun 1992 seperti di atas menghuraikan perlantikan nazir wakaf dengan membuat huraian daripada buku Muhammad Abū Zahrah. Namun petikan-petikan teks tersebut mengandungi banyak kesalahan ejaan yang amat ketara sehingga menjas makna petikan teks tersebut.

Warta negeri Melaka yang menerangkan hukum-hukum wakaf menerangkan seperti berikut:

- (1) harta wakaf tidak boleh dijual beli
- (2) harta wakaf tidak boleh diberi
- (3) harta wakaf tidak boleh dipindah milik
- (4) jika tanah wakaf diambil oleh kerajaan maka pampasan wajib dibayar dan wangnya terletak hak kepada Majlis dan mesti diganti dengan tanah wakaf yang lain.

Manakala fatwa-fatwa di dalam bentuk minit mesyuarat banyak menyentuh tentang hukum-hukum wakaf terutama penjualan harta wakaf dan penukaran syarat harta wakaf. Fatwa Pahang misalnya menetapkan pindah milik harta yang diwakafkan kepada waris pewakaf secara pusaka adalah tidak sah dan mesti dipulangkan kepada Majlis (fatwa Pahang pada 29 Dis. 1989). Begitu juga fatwa Kedah tidak membenarkan aktiviti ekonomi yang bercanggah dengan Islam dilakukan di atas tanah wakaf. Namun begitu penukaran syarat tanah-tanah wakaf dibenarkan dengan syarat ianya untuk maslahat seperti di dalam fatwa negeri Kedah dengan syarat-syarat seperti berikut (fatwa Kedah pada 19 Julai 1987).

- (i) Harga jualan mestilah mengikut nilai harga semasa
- (ii) Tidak boleh dijual kepada pihak-pihak yang mempunyai perhubungan atau kepentingan dengan pewakaf dan nazir untuk mengelakkan tohmannan

- (iii) Harta yang diganti itu adalah lebih baik daripada harta asal dan tidak membawa sebarang kemudaratian
- (iv) Segala urusan jual beli mesti dibuat dengan pengetahuan dan kelulusan Kadi Besar
- (v) Harga jualan mesti tunai (fatwa Kedah pada 16 Dis. 1995)
- (vi) Jikalau fatwa yang diberikan berdasarkan kepada *qawl* dari mazhab bukan Syafi'i kebenaran dari DYMM Sultan diperlukan

Pusaka

Masalah yang timbul daripada pembahagian harta pusaka di Malaysia ialah pemecahan tanah kepada waris-waris dan pemulangan bahagian Baitulmal dan penggunaan kaerah *radd*. Di dalam masalah yang pertama pemecahan tanah akibat pembahagian ini akan menimbulkan masalah dari segi sudut ekonomi tanah itu dan pembayaran cukai. Nampaknya terdapat fatwa yang membenarkan tanah tersebut tidak dipecahkan tetapi dijual kepada Baitulmal dan hasilnya dibahagikan kepada waris-waris di atas dasar untuk mengelak *mafsadah* atau kemudaratian jika tanah tersebut dipecahkan (fatwa Pulau Pinang pada 20 Sep. 1981). Manakala di dalam masalah kedua pula diputuskan bahawa didalam keadaan ketiadaan waris '*asabah*' dan harta pusaka tersebut berbaki, maka bakinya itu hendaklah menjadi milik baitulmal. Perkara ini timbul kerana peruntukan undang-undang di Pulau Pinang tidak menyatakan bahagian yang berbaki tersebut menjadi milik baitulmal. Oleh yang demikian fatwa menjelaskan bahawa bahagian tersebut adalah milik baitulmal (fatwa Pulau Pinang pada 14.12.1982)

Saham

Persoalan yang sering dikemukakan ialah masalah keharusan jual beli saham, saham ASN dan ASB dan jualan bon oleh Bank Negara Malaysia. Kesemua jual-beli instrumen-instrumen saham seperti di atas dijawab dengan positif oleh jawatankuasa fatwa negeri-negeri. Sebagai contoh fatwa negeri Kedah berpendapat jual beli saham ASN dan ASB adalah sah sungguhpun terdapat bantahan daripada pihak tertentu bahawa terdapat beberapa unsur yang haram di dalam urusan saham-saham tersebut (fatwa Kedah pada 15 Ogos 1992 dan 9 Jan 1993). Mengenai penjualan bon Malaysia jawatankuasa fatwa Kedah berpendapat ianya termasuk di bawah kategori *mudārabah*. Jawatankuasa berpendapat sungguhpun urusan bon itu menyalahi syarat-syarat akad *mudārabah*, namun akad *mudārabah* bukanlah suatu akad yang sabit dengan nas tetapi merupakan akad *ijtihādī*. Oleh yang demikian

tidak semestinya urusan bon Malaysia terikat dengan syarat-syarat akad *mudarabah* (fatwa Kedah pada 30 Mac 1993). Namun fatwa mengenai keharusan jualan saham secara kontra (fatwa Kedah pada 17 Ogos 1996) mungkin tidak tepat kerana amalan jualan saham secara sebegini sendiripun tidak dibenarkan oleh BSKL kerana ianya semata-mata bersifat spekulatif.

Kesimpulan

Daripada analisis secara ringkas fatwa-fatwa di atas didapati sikap keterbukaan dalam memberi fatwa-fatwa terutama yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai dalam ertikata pandangan mazhab Syafi'i tidak diikuti. Amalan memilih atau menggunakan pandangan dari mazhab lain (*al-takhayyur*) (*talfiq*) menjadi pilihan dalam menangani persoalan-persoalan semasa umat Islam seperti sembahyang jumaat, bayaran zakat penggajian, pemindahan syarat-syarat harta wakaf dan sebagainya. Oleh yang demikian secara umumnya boleh disimpulkan bahawa fatwa-fatwa di Malaysia, setakat yang dikumpulkan, adalah bersifat progresif dan sentiasa memberi perhatian kepada kehendak-kehendak dan tuntutan perubahan masa dan keadaan. Aspek yang kurang jika pun terdapat ialah kaedah dan metodologi dalam mengemukakan hujah dan rujukan kepada sumber-sumber yang lebih muktabar di dalam mazhab, terutama mazhab-mazhab lain selain Syafi'i.

Nota Hujung

1. Namun kerana faktor-faktor tertentu, Negeri Perlis mendakwa mereka tidak terikat dengan mazhab tertentu, bahkan beramal berdasarkan kepada mazhab Ahl Sunnah wa Jama‘ah yang berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.
2. Fatwa Wilayah Persekutuan (1975-1986) Minit No. 55.

Bibliografi

- Abdul Monir Yaakob dan Wan Roslili Abd Majid (ed.). 1998. *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*, Kuala Lumpur: IKIM.
- Ahmad Hidayat Buang et.al. 2000. *Laporan Penganalisaan Fatwa-fatwa Semasa di Malaysia IRPA (07-02-03-0403)*, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ahmad Hidayat Buang. 2000. "Fatwa-Fatwa Kedah: Satu Analisis Mengenai Bentuk dan Aliran Dari Perspektif Pembangunan." *Seminar Kedah 100 Tahun*, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 20-21 Ogos 2000, hh. 1-10.
- Ahmad Ibrahim. 1975. *Islamic Law in Malaya*, Singapore: MSRI.
- Encyclopaedia of Islam* (new edition).
- Hooker, M.B. 1993. "Fatawa in Malaysia 1960-1985." *Arab Law Quarterly*, Jilid 8, Bahagian 2, hh. 94-105.
- Mackeen, Abdul Majeed Mohamed. 1969. *Contemporary Islamic Legal Organization in Malaya*, Monograph Series No. 13, Yale University Southeast Asia Studies.
- al-Majlis, al-A‘lā li al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah. 1986. *Mawsū‘at al-Fiqh al-Islāmī*, Mesir: Wizārah al-Awqāf.
- Mohd Daud Bakar. 1997. "Instrumen Fatwa Dalam Perkembangan Perundangan Islam." *Jurnal Syariah*, 5:1 [1997], hh. 81-98.
- Omar Awang. 1981. "The Major Sources Which Determined the Structures of Islamic Thought in the Malay Archipelago" dalam Lutfi Ibrahim (ed.). *Islamika: Esei-esei Sempena Abad Ke-15 Hijrah*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.

Othman Ishak. 1981. *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Suwaid Tapah. 1993. "Undang-undang Pentadbiran Fatwa di Malaysia." *Jurnal Syariah*, 2:1 [1994], hh. 347-256.